



KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-66

Kepada:
Anggota-Anggota Perwakilan

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-66 Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad akan diadakan seperti berikut:-

Hari/Tarikh : Sabtu, 30 Mac 2019 & Ahad, 31 Mac 2019

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Grand Ballroom 1, Level 5,
Imperial Hotel, Jalan Datuk Tawi Sli, 93250 Kuching


AGENDA MESYUARAT

- 1) Ucapan Pengerusi KOPERKASA;
- 2) Melantik Pengerusi Mesyuarat dan Setiausaha Mesyuarat;
- 3) Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan Empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf Minit Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-66;
- 4) Mengesah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke-65 yang telah diadakan pada 13 Mei, 2018; (*Rujuk Buku 1*)
- 5) Menimbang dan melulus laporan-laporan seperti berikut:-
 - (a) *Laporan Anggota Lembaga bagi Tahun berakhir 31 Disember, 2018; (Rujuk Buku 2)*
 - (b) *Pandangan Suruhanjaya tentang Akaun Teraudit bagi Tahun berakhir 31 Disember, 2018 seperti dikehendaki dalam Seksyen 59(2) Akta Koperasi 1993: (jika ada) (Rujuk Buku 5)*
 - (c) *Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun berakhir 31 Disember, 2018; (Rujuk Buku 3)*
- 6) Menimbang dan meluluskan akaun teraudit koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi Tahun berakhir 31 Disember, 2018; (*Rujuk Buku 2*)
- 7) Menimbang dan meluluskan cadangan Pembahagian Keuntungan Bersih bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018; (*Rujuk Buku 4*)
- 8) Meluluskan elauan yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga dan saraan yang akan dibayar kepada mana-mana Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah subsidiarinya, jika ada; (*Rujuk Buku 4*)

- 9) Menimbang dan melulus Anggaran Belanjawan Tahunan seperti berikut:-
 - (a) *Ulangkaji Belanjawan bagi Tahun 2019 (Rujuk Buku 4)*
 - (b) *Anggaran Belanjawan bagi Tahun 2020/2021; (Rujuk Buku 4)*
- 10) Menimbang dan meluluskan cadangan untuk menghapuskira Hutang Lapuk, jika ada; (*Rujuk Buku 4*)
- 11) Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi; (*Rujuk Buku 4*)
- 12) Menentukan had maksimum keterutangan koperasi; (*Rujuk Buku 4*)
- 13) Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi dan aturannya, jika ada; (*Rujuk Buku 4*)
- 14) Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga seperti dikehendaki oleh Undang-undang Kecil 37 Koperasi;
- 15) Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau usul yang disampaikan kepada koperasi tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-66; (*Rujuk Buku 5*)
- 16) Meluluskan perlantikan suatu panel yang tidak kurang daripada dua (2) firma audit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya untuk mengaudit akaun koperasi bagi tahun 2019;
- 17) Mesyuarat ditangguh.

“KESETIAAN ANGGOTA KETEGUHAN KOPERASI”

Dengan Perintah Lembaga
Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad



(HAJI RUMI BIN LEN AMM,PPN, ABK,PPT,BBS,PPS)
Setiausaha

S.k: Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Sarawak

Tarikh: 1 Mac 2019